

# Perkongsian pintar pacu ekonomi



**PENA  
KAMPUS**

Oleh **Fakrulnizam Jafri**  
rencana@hmetro.com.my

**Keusahawanan** dan perniagaan antara aspek penting yang menjadi tumpuan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini bagi melahirkan mahasiswa cemerlang dan serba boleh sama ada dalam akademik, kemahiran insaniah, jaringan masyarakat dan komuniti.

Banyak universiti di negara ini menjadikan aspek keusahawanan sebagai misi dan visi utama menyahut hasrat kerajaan memacu Malaysia sebagai negara maju dalam bidang ekonomi menje-

lang 2020.

Jaringan industri antara pihak universiti serta pemain industri dilihat suatu usaha murni ke arah mewujudkan peluang kepada ahli akademik serta mahasiswa untuk bergiat secara proaktif dan konsisten ke arah mencapai matlamat itu.

Antara institusi yang memiliki bahagian jaringan industri ialah Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pejabat Hubungan Industri Masyarakat dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat selain tidak ketinggalan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Bidang keusahawanan perlu dijadikan budaya po-

pular generasi muda kerana prospeknya begitu luas juga kerana sokongan padu daripada kerajaan.

Justeru, universiti seharusnya perlu bekerjasama dengan industri sebagai satu perkongsian pertukaran ilmu dan kepakaran untuk kedua-dua pihak, sekali gus melonjakkan lagi perkembangan inovasi dan penemuan baru oleh mahasiswa, penyelidik, pensyarah dan pemain industri ke arah kemajuan negara melalui k-Ekonomi.

Sudah tentu perkongsian ini boleh memberi manfaat kepada semua dengan mewujudkan nilai persefahaman bagi tujuan meningkatkan lagi sumber kewangan universiti, permintaan barangan industri dan masyarakat melalui program pameran keusahawanan dan karnival keusahawanan.

Masyarakat khususnya golongan usahawan muda dan usahawan matang boleh bergantung harap dengan institusi pengajian tinggi kita kerana dengan kepakaran dimiliki boleh membantu mereka mengembangkan lagi prospek produk sedia ada menerusi perkongsian bijak melalui jaringan industri universiti, industri dan masyarakat.

Usaha murni itu turut disokong Kementerian Pengajian Tinggi yang berusaha sebagai mungkin untuk memperkukuhkan jaringan industri di antara industri dan universiti. Justeru, ia perlu dilunaskan dengan menyeluruh bagi mencapai maksud perkongsian bijak bersama seperti disasarkan.

Mahasiswa tidak boleh lagi berpeluk tubuh, sebaliknya perlu mempertingkat-

kan diri dengan ilmu serta kemahiran insaniah bagi merealisasikan hasrat semua pihak.

Projek berkaitan keusahawanan perlu dipergiatkan dan dimantapkan agar manfaatnya dapat dikongsi bersama termasuk memperkukuhkan lagi aspek tanggungjawab sosial mahasiswa terhadap masyarakat dengan lebih meluas.

Semangat keusahawanan perlu diterapkan agar ia menjadi budaya yang diterima dalam proses mencari pekerjaan selepas menamatkan pengajian supaya tidak akan hanya bergantung kepada sumber pekerjaan kerajaan mahupun swasta semata-mata.

Justeru, mahasiswa disarankan melengkapkan diri dengan komunikasi keusahawanan yang tinggi, sekali

gus mencapai hasrat kerajaan untuk melahirkan usahawan muda yang berintegriti dan berinovasi.

Pensyarah, ahli keluarga dan masyarakat perlu memberi sokongan kepada usahawan muda ini untuk melakukan perubahan minda bagi mempraktikkan ilmu di pelajari di kampus.

**Penulis pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi Mara, cawangan Melaka**

**\*\* Warga kampus yang mempunyai pandangan mengenai pelbagai isu semasa boleh menghantarnya ke ruangan ini dan e-mel kepada ruhazarusmin@hmetro.com.my**